

27 JAN 1999

Mahathir-Suruhanjaya

MAHATHIR UMUM SURUHANJAYA UNTUK SIASAT KECEDERAAN MATA ANWAR

KUALA LUMPUR, 27 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata kerajaan telah memutuskan untuk menubuhkan suruhanjaya penyiasatan bagi menyiasat kecederaan pada mata Datuk Seri Anwar Ibrahim sewaktu dalam tahanan polis.

"Kerajaan telah memutuskan untuk menubuh sebuah suruhanjaya penyiasatan untuk siasat punca kecederaan pada mata Datuk Seri Anwar," katanya pada persidangan berita untuk menjelaskan mengenai perkara berhubung kutipan tol, di sini.

Dr Mahathir berkata suruhanjaya itu akan dianggotai bekas Hakim Besar Malaya Tan Sri Anuar Zainal Abidin, hakim Mahkamah Rayuan Datuk Mahadev Shankar dan seorang doktor bedah ortopedik yang belum dinamakan.

Bekas Peguam Negara Tan Sri Abu Talib Othman akan mengendalikan penyiasatan itu, katanya.

Menjawab satu soalan, Dr Mahathir berkata pasukan itu dijangka mengemukakan laporan mereka secepat mungkin.

Anwar, bekas timbalan perdana menteri dan menteri kewangan, didakwa di mahkamah kerana menggunakan kedudukannya untuk mengarahkan bekas pengarah Cawangan Khas Datuk Mohd Said Awang dan timbalannya Datuk Amir Junus mendapatkan kenyataan bertulis dari dua orang bagi menafikan dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Anwar membuat gempar apabila muncul di mahkamah pada Sept 29 dengan mata kirinya lebam, sekaligus mencetuskan gesaan supaya kerajaan menubuhkan badan bebas khas untuk menyiasat perkara itu.

Peguam Negara Tan Sri Mohtar Abdullah dalam kenyataannya pada 5 Jan lalu berkata ada kecederaan di bahagian tertentu tubuh Anwar terbukti disebabkan oleh anggota-anggota polis semasa beliau dalam tahanan polis.

Mohtar juga mengarahkan satu pasukan penyiasat khas merakamkan pernyataan daripada pegawai kanan polis termasuk bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor yang meletakkan jawatan pada 8 Jan kerana memikul tanggungjawab sepenuhnya ke atas kecederaan yang dialami Anwar.

Anwar dipecat daripada kerajaan pada 3 Sept tahun lepas dan dari Umno sehari kemudian, dan ditahan mengikut Akta Keselamatan Dalam Negeri oleh polis pada 20 Sept selepas beliau mengetuai para penyokongnya dalam satu perhimpunan haram.

Sementara itu, setiausaha agung DAP Lim Kit Siang berkata dalam satu kenyataan bahawa suruhanjaya itu harus menjalankan prosidingnya secara terbuka.

Beliau berkata suruhanjaya itu bukan sahaja perlu mendengar keterangan daripada pegawai kanan polis, termasuk bekas Ketua Polis Negara Tan Sri Rahim Noor, Timbalan Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, pengarah-pengarah Cawangan Khas, Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam, Pengurusan dan Jabatan Siasatan Jenayah tetapi juga daripada Perdana Menteri.

Sementara itu, isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail menyambut baik keputusan kerajaan untuk menubuhkan suruhanjaya penyiasatan itu dan berharap ia dapat menjalankan siasatan menyeluruh dan tidak memihak kepada sesiapa.

"Saya bersyukur dan berterima kasih kerana walaupun suruhanjaya itu patut ditubuhkan lebih awal, ianya belum terlambat untuk menyiasat dan mengenal pasti siapa yang bertanggungjawab memukul suami saya dengan begitu teruk," katanya ketika ditemui pemberita di rumahnya di Bukit Damansara di

sini hari ini.

"Semuga kejadian ini menjadi pengajaran dan polis tidak memperlakukan sehingga sebegitu rupa (dipukul) terhadap sesiapa yang di dalam tahanan selepas ini," katanya.

Dr Wan Azizah berkata beliau berharap anggota suruhanjaya penyiasatan itu dapat menjalankan tanggungjawab dan amanah yang diberikan dengan baik dan adil.

"Dapat kiranya keputusan siasatan itu nanti dimaklumkan kepada umum terutama laporan perubatan kecederaan suami saya itu...temuramahlah doktor yang menjalankan siasatan itu nanti jika perlu," katanya.

-- BERNAMA

ES ZAI AKD